PerakEXcellent

يايասن ڤيراق
YAYASAN PERAK

PERAK

JPN PERAK

# Program Amanjaya Gemilang UPSR

## TAHUN 2017

# MATEMATIK

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK | 2017

# PROGRAM AMANJAYA GEMILANG UPSR
# TAHUN 2017

# MODUL

# Maths

PASS

# ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN

2. PANDUAN PENGGUNAAN MODUL

3. BIDANG 1

4. BIDANG 2

5. BIDANG 3

6. BIDANG 4

# PENGENALAN

Sejajar dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan melengkapi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di samping membudayakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), maka format Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah ( UPSR ) tahun 2016 bagi kertas Matematik 015 (SK), 025 (SJKC) dan 035 (SJKT) telah ditambahbaik berbanding dengan format kertas Matematik sedia ada.

Format Baru UPSR 2016 berbentuk ujian bertulis bagi mata pelajaran Matematik dilaksanakan bertujuan untuk mentaksir pencapaian akademik murid dengan mematuhi standard yang ditetapkan. Format baharu ini lebih menguji tentang kemahiran asas, kemahiran mengira dan kemahiran mengaplikasi murid-murid dalam pembelajaran Matematik. Berikut merupakan perubahan dan format baharu UPSR mata pelajaran Matematik bagi tahun 2016:

| BIL | PERKARA | KERTAS 1 | KERTAS 2 |
|---|---|---|---|
| **1** | Jenis Instrumen | Ujian Objektif | Ujian Subjektif |
| **2** | Jenis Item | Objektif Aneka Pilihan | Objektif pelbagai bentuk<br>Respons terhad |
| **3** | Bilangan Soalan | 40 | 15 soalan |
| **4** | Jumlah Markah | 40 | 60 |
| **5** | Tempoh Masa | 1 jam | 1 jam |
| **6** | Konstruk | Mengetahui<br>Memahami<br>Mengaplikasi | Mengetahui<br>Memahami<br>Mengaplikasi<br>Menganalisis<br>Menilai<br>Mencipta<br>Menyelesai Masalah |
| **CAKUPAN KONTEKS** | | | |
| **7** | Kaedah penskoran | Dikotumus | Analitikal |

## MATEMATIK KERTAS 2 ( 015 / 02, 025 / 02 , 035 / 02 )

Matematik Kertas 2 mengalami perubahan yang besar jika dibandingkan dengan format sebelum ini. Soalan Matematik Kertas 2 berbentuk subjektif dan bilangan soalan yang terdapat dalam kertas ini adalah sebanyak 15 soalan.

Terdapat soalan yang mempunyai pecahan soalan atau soalan berstruktur.

Wajaran yang diperolehi calon daripada 15 soalan dalam Kertas 2 ini ialah 60 markah dan markah keseluruhan pula adalah sebanyak 60%.

Tempoh masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan Kertas 2 adalah selama 1 jam.

# MODUL Q-Maths (PASS)

1 Modul *Q-Maths (PASS)* Amanjaya Gemilang Matematik UPSR 2017 disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan dibina oleh Jurulatih Utama Matematik / Guru Cemerlang Matematik

2 Modul *Q- Maths (PASS)* Amanjaya Gemilang Matematik UPSR 2017 disediakan bagi membantu guru Matematik Tahun 6 dalam pengajaran dan pembelajaran dan dijadikan sebagai bahan untuk menguji kefahaman murid berkaitan sesuatu topik yang telah diajar bagi murid 'Harapan Lulus' ( HALUS).dan 'Gagal Lulus' (GALUS)

3 Modul ini merupakan modul latihan kendiri.dan guru Matematik yang terlibat perlu membimbing murid dengan langkah kerja / penyelesaian yang bersesuaian mengikut kebolehan murid agar murid dapat menjawab soalan dengan tepat

4 Modul ini mengandungi soalan-soalan subjektif yang disediakan secara topikal merangkumi semua topik Matematik Tahun 6 mengikut format UPSR terkini

5 Modul ini boleh digunakan sama ada dalam waktu pembelajaran utama (PdP) atau pun sewaktu kelas tambahan dan boleh diulang sehingga murid menguasai kemahiran yang telah diajar

6 Modul ini tidak bertujuan untuk menilai prestasi keseluruhan murid, justeru itu panel pembina soalan tidak menetapkan markah bagi setiap soalan yang telah disediakan

7 Soalan-soalan disediakan berbentuk subjektif, berfokus kepada kemahiran aras rendah dan sederhana yang melibatkan konstruk mengetahui, memahami dan aplikasi mudah

8 Guru Matematik yang terlibat boleh menjadikan modul ini sebagai panduan untuk menyediakan soalan-soalan bagi membuat penilaian kepada murid-murid Tahun 6 agar dapat meningkatkan prestasi pencapaian murid dalam UPSR 2017

**9 Modul ini juga boleh digunakan oleh guru Matematik untuk murid-murid Tahun 5 dan 4 mengikut kesesuaian sebagai latihan persediaan menghadapi UPSR**

**BORANG REKOD PELAKSANAAN DAN PENGGUNAAN**
**MODUL Q-Maths (PASS)**
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**
**TAHUN 2017**

**NAMA GURU** : ………………………………………………………………..

**NAMA MURID** : ………………………………………………………………..

**TAHUN** : …………………………………

| ***SET 1*** | ***TARIKH*** | ***MARKAH*** | ***PENINGKATAN MARKAH*** |
|---|---|---|---|
| BIDANG 1 | | | |
| BIDANG 2 | | | |
| BIDANG 3 | | | |
| BIDANG 4 | | | |

| ***SET 2*** | ***TARIKH*** | ***MARKAH*** | ***PENINGKATAN MARKAH*** |
|---|---|---|---|
| BIDANG 1 | | | |
| BIDANG 2 | | | |
| BIDANG 3 | | | |
| BIDANG 4 | | | |

**PERINGATAN:**

**Borang Rekod Pelaksanaan Dan Penggunaan Modul Q-Maths (PASS) hendaklah diisi oleh murid untuk dipantau oleh guru Matematik berkaitan perkembangan prestasi agar bimbingan dapat dilaksanakan bagi membantu mengatasi kelemahan dalam menjawab soalan-soalan berformat baru UPSR berdasarkan tajuk-tajuk yang dikenalpasti mendatangkan masalah kepada murid.**

**SENARAI NAMA PANEL PENGGUBAL**
**MODUL Q-Maths (PASS) 2017**

1. PN. ROHAYA BINTI MEOR AHMAD
   PEGAWAI CEMERLANG MATEMATIK
   PENYELARAS, JPN PERAK

2. ZALIFAH BINTI NOOR
   SK DATO' KAMARUDDIN, BEHRANG STESEN

3. ROHAYANEE BINTI AMRAN
   SK PASUKAN POLIS HUTAN, ULU KINTA

4. MOHAMMAD KAMARUL ARIF BIN ABDUL RAZAK
   SK SUNGAI PERAH, PARIT

5. MOHAMAD HILMI AFFINDI BIN ALI
   SK SULTAN ABDUL AZIZ, KUALA KANGSAR

6. NOR HIDAYU BINTI JAMALI
   SK KAMUNTING, TAIPING

7. ZAINATONNOR BINTI SALLEH
   SK SRI ADIKA RAJA, GERIK

**BIDANG 1 : NOMBOR DAN OPERASI**

1 Rajah menunjukkan sekeping kad nombor.

| 64 358 |
|---|

*(a)* Nyatakan digit yang mewakili nilai tempat puluh ribu.

[1 *markah*]

*(b)* Bundarkan nombor itu kepada ribu yang terdekat.

[1 *markah*]

2 *(a)* Tukarkan $2\frac{3}{4}$ kepada pecahan tak wajar.

[1 *markah*]

*(b)* Tukarkan $\frac{13}{5}$ kepada bercampur.

[1 *markah*]

3 Rajah menunjukkan sebuah segi empat tepat yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama saiz.



*(a)* Tulis pecahan yang mewakili bahagian berlorek daripada seluruh rajah.

[1 *markah*]

*(b)* Nyatakan nilai pecahan itu dalam nombor perpuluhan.

[1 *markah*]

4 Jadual menunjukkan harga barangan elektrik.

| **Barangan elektrik** | **Harga** |
|---|---|
| Mesin basuh | RM880 |
| Televisyen | RM1 400 |
| Peti sejuk | RM1 500 |

*(a)* Barangan elektrik manakah yang paling mahal?

[1 *markah*]

*(b)* Hitung beza harga bagi barangan yang paling mahal dan yang paling murah.

[2 *markah*]

5 Rajah menunjukkan sekeping kad nombor.

$$1\frac{1}{2}$$

*(a)* Tukarkan nombor bercampur berikut kepada pecahan tak wajar.

[1 *markah*]

*(b)* Tolakkan $\frac{3}{4}$ daripada jawapan *(a).*

[2 *markah*]

6 Jadual menunjukkan bilangan pelawat yang mengunjungi pesta Buku Kuala Lumpur.

| **Pelawat** | **Bilangan Pelawat** |
|---|---|
| Melayu | 25 750 |
| Cina | 27 550 |
| India | 13 000 kurang daripada bangsa Melayu |

*(a)* Hitungkan pelawat yang berbangsa India.

[1 *markah*]

*(b)* Hitungkan jumlah semua pelawat yang hadir ke pesta buku tersebut.

[2 *markah*]

7 *(a)* Tukarkan 6·47 kepada nombor bercampur.

[1 *markah*]

*(b)* Tukarkan 0·53 kepada pecahan.

[1markah]

8 Rajah menunjukkan sekeping kad nombor.

| 0.08 |
|---|

*(a)* Tukarkan nombor itu kepada peratus.

[1 *markah*]

*(b)* Apakah nilai tempat bagi digit 8 pada kad nombor itu?

[1 *markah*]

9 Rajah menunjukkan jumlah wang simpanan Sabri.



*(a)* Tuliskan jumlah wang berkut dalam perkataan.

[1 *markah*]

*(b)* Bundarkan wang itu kepada ringgit yang hampir.

[1 *markah*]

10 *(a)* Nyatakan RM497.65 dalam sen.

[1 *markah*]

*(b)* 85% daripada 120 orang murid di sebuah sekolah telah menguasai kemahiran membahagi dalam suatu pentaksiran Matematik . Hitung bilangan murid yang tidak menguasai.

. [2 *markah*]

11. Rajah menunjukkan sekeping kad nombor

$$\frac{55}{1000}$$

*(a)* Nyatakan nombor itu dalam perpuluhan.

[1 *markah*]

*(b)* Tukarkan jawapan *(a)* dalam perkataan.

[1 *markah*]

12 Rajah terdiri daripada beberapa segi empat sama yang sama besar.



*(a)* Berapakah bilangan segi empat sama yang mewakili $\frac{1}{5}$ daripada seluruh rajah itu?

[2 *markah*]

*(b)* Lorekkan jawapan *(a)* pada rajah tersebut.

[1 *markah*]

13 $\frac{1}{2}$ , $\frac{1}{4}$ , $\frac{1}{5}$ , $\frac{1}{8}$

*(a)* Berdasarkan nombor pecahan di atas, susun nombor tersebut mengikut urutan menaik.

[1 *markah*]

*(b)* Cari hasil tambah pecahan terkecil dengan pecahan terbesar.

[2 *markah*]

14 Rajah menunjukkan dua keping kad nombor.

| 3 604 | 15 |
|---|---|

*(a)* Bahagikan nilai digit 6 dengan nilai digit 5.

[2 *markah*]

*(b)* Darabkan jawapan *(a)* dengan 4.

[2 *markah*]

15 *(a)* 548 ribu − 324 puluh =

[2 *markah*]

*(b)* Tolakkan 17 ratus daripada jawapan *(a)*

[2 *markah*]

16 *(a)* Hitung hasil darab 573 dengan 40.

[2 *markah*]

*(b)* Bundarkan jawapan kepada ribu terdekat.

[2 *markah*]

17 Rajah menunjukkan kad perkataan bagi satu nombor.

| Lapan belas ribu dua ratus sembilan belas |
|---|

*(a)* Tulis nombor dalam angka.

[1 *markah*]

*(b)* Bundarkan nombor di atas kepada ribu yang terdekat.

[1 *markah*]

18 *(a)* 239 ratus − 43 puluh =

[2 *markah*]

*(b)* Darabkan 10 puluh dengan jawapan *(a).*

[2 *markah*]

19 Rajah menunjukkan sekeping kad nombor.

| |
|---|
| 4.75 juta |

*(a)* Nyatakan nombor di atas dalam nombor bulat.

[1 *markah*]

*(b)* Nyatakan jawapan *(a)* dalam pecahan juta.

[1 *markah*]

20 Jadual menunjukkan bilangan manik yang dikumpul oleh dua orang murid.

| **Murid** | **Bilangan Manik** |
|---|---|
| Ayu | 326 |
| Fiza | 150 biji manik lebih daripada Ayu |

*(a)* Hitung beza bilangan manik Ayu dan Fiza.

[2 *markah*]

*(b)* Cari jumlah manik mereka.

[2 *markah*]

**SKEMA JAWAPAN**
**BIDANG 1**

| *Soalan* | *Jawapan* | *Markah* | *Jumlah Markah* |
|---|---|---|---|
| 1(a)<br>1(b) | 6<br>64 000 | 1<br>1 | 2 |
| 2(a)<br>2(b) | $\frac{11}{4}$<br>$2\frac{3}{5}$ | 1<br>1 | 2 |
| 3(a)<br>3(b) | $\frac{2}{5}$<br>0·4 | 1<br>1 | 2 |
| 4(a)<br>4(b) | Peti sejuk<br>RM620 | 1<br>2 | 3 |
| 5(a)<br>5 (b) | $\frac{3}{2}$<br>$\frac{3}{4}$ | 1<br>2 | 3 |
| 6(a)<br>6(b) | 12 750<br>66 050 | 1<br>2 | 3 |
| 7(a)<br>7(b) | $6\frac{47}{100}$<br>$\frac{53}{100}$ | 1<br>1 | 2 |
| 8(a)<br>8(b) | 8%<br>Per seratus | 1<br>1 | 2 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9(a) | Dua ratus enam puluh empat ringgit lima puluh lima sen | 1 | 2 |
| 9(b) | RM265 | 1 | |
| 10(a) | 49 765sen | 1 | 3 |
| 10(b) | 18 | 2 | |
| 11(a) | 0·055 | 1 | 2 |
| 11(b) | Sifar perpuluhan sifar lima lima | 1 | |
| 12(a) | 5 | 2 | 3 |
| 12(b) | 5 kawasan berlorek | 1 | |
| 13(a) | $\frac{1}{8}, \frac{1}{5}, \frac{1}{4}, \frac{1}{2}$ | 1 | 3 |
| 13(b) | $\frac{5}{8}$ | 2 | |
| 14(a) | 120 | 2 | 4 |
| 14(b) | 480 | 2 | |
| 15(a) | 544 760 | 2 | 4 |
| 15(b) | 543 060 | 2 | |
| 16(a) | 22 920 | 2 | 4 |
| 16(b) | 23 000 | 2 | |
| 17(a) | 18 219 | 1 | 2 |
| 17(b) | 18 000 | 1 | |
| 18(a) | 23 470 | 2 | 4 |
| 18(b) | 2 34 700 | 2 | |
| 19(a) | 4 750 000 | 1 | 2 |
| 19(b) | $4\frac{3}{4}$ juta | 1 | |
| 20(a) | 150 | 2 | 4 |
| 20(b) | 802 | 2 | |

**BIDANG 2: SUKATAN DAN GEOMETRI (Masa Dan Waktu)**

**1** Rajah menunjukkan waktu makan malam Aiman.




*(a)* Nyatakan waktu itu dalam sistem 24 jam.

[1 *markah*]

*(b)* Aiman tidur 3 jam 10 minit kemudian. Nyatakan waktu Aiman mula tidur.

[2 *markah*]

*(c)* Aiman mengambil masa selama 6 jam untuk tidur.Nyatakan waktu Aiman bangun pada keesokan paginya.

[2 *markah*]

.

**2** Rajah menunjukkan waktu Akif mula mengulangkaji pada suatu pagi.




*(a)* Nyatakan waktu Akif mengulang kaji pelajarannya.

[1 *markah*]

*(b)* Akif selesai mengulang kaji pada pukul 12.00 tengah hari. Cari tempoh masa yang diambil olehnya untuk mengulang kaji?

[2 *markah*]

*(c)* Nyatakan dalam minit, tempoh masa Akif mengulang kaji pelajarannya.

[1 *markah*]

**3** Jadual menunjukkan tempoh perkhidmatan 4 orang guru di sebuah sekolah.

| Guru | Tempoh perkhidmatan |
|---|---|
| Rohayanee | 3 dekad 1 tahun |
| Zalifah | 24 tahun |
| Kamarul | 7 tahun |
| Helmi | 1 dekad 4 tahun |

*(a)* Nyatakan dalam tahun, tempoh perkhidmatan Rohayanee .

[1 *markah*]

*(b)* Hitung beza tempoh perkhidmatan Kamarul dan Helmi.

[2 *markah*]

*(c)* Cari min , dalam tahun, tempoh perkhidmatan mereka.

[2 *markah*]

**4** Rajah menunjukkan salasilah keluarga Encik Amran.




*(a)* Nyatakan usia Puan Rohaya dalam tahun.

(1 *markah*)

*(b)* Berapakah beza usia Encik Ismail dan Puan Rohaya?

(2 *markah*)

*(c)* Min umur Danial dan Alia ialah 23 tahun . Buktikan.

(2 *markah*)

**5** Rajah menunjukkan sebuah muka jam yang tidak lengkap.




*(a)* Alia bertolak dari Ipoh ke Kuala Lumpur pada 9.25 pagi. Berdasarkan waktu tersebut, lukiskan jarum jam dan minit.

[1 *markah*]

*(b)* Tempoh masa perjalanan Alia ke Kuala Lumpur ialah 2 jam 45 minit.Nyatakan waktu Alia tiba di Kuala Lumpur.

[2 *markah*]

*(c)* Alia meneruskan perjalanannya ke Melaka selepas setengah jam tiba di Kuala Lumpur. Pukul berapakah Alia bertolak ke Melaka ?

[2 *markah*]

**SKEMA JAWAPAN**
**BIDANG 2**
**(Masa Dan Waktu)**

| ***Soalan*** | ***Jawapan*** | ***Markah*** | ***Jumlah Markah*** |
|---|---|---|---|
| 1(a) | Jam 1950 | 1 | 5 |
| 1(b) | 11.00 p.m. | 2 | |
| 1(c) | 5.00 a.m. | 2 | |
| 2(a) | 10.15 a.m. | 1 | 4 |
| 2(b) | 1 jam 45 minit | 2 | |
| 2(c) | 105 minit | 1 | |
| 3(a) | 31 tahun | 1 | 5 |
| 3(b) | 7 tahun | 2 | |
| 3 (c) | 19 tahun | 2 | |
| 4(a) | 73 tahun | 1 | 5 |
| 4(b) | 3 tahun | 2 | |
| 4 (c) | 46 ÷ 2 = 23 | 2 | |
| 5 (a) | Lukis. | 1 | 5 |
| 5 (b) | 12.10 p.m. | 2 | |
| 5 (c) | 12.40 p.m. | 2 | |

**BIDANG 2: SUKATAN DAN GEOMETRI (PANJANG, JISIM DAN ISI PADU CECAIR)**

**1** Rajah menunjukkan panjang sebatang pensil.




*(a)* Nyatakan panjang, dalam cm, pensil itu.

[1 *markah*]

*(b)* Nyatakan ukuran itu dalam mm.

[1 *markah*]

**2** Rajah menunjukkan jisim sebiji nanas.




*(a)* Nyatakan jisim nanas itu.

[1 *markah*]

*(b)* Hitung jisim bagi 2 biji nanas jika jisim kedua-duanya adalah sama.

[2 *markah*]

**3** Rajah menunjukkan isi padu air dalam dua buah botol X dan Y.




*(a)* Nyatakan isi padu air, dalam mℓ , botol X.

[1 *markah*]

*(b)* Hitung jumlah isi padu air, dalam mℓ kedua-dua botol itu.

[2 *markah*]

**4** Rajah menunjukkan jarak dari rumah Alia ke sekolah dan ke masjid.




*(a)* Nyatakan jarak, dalam m, dari rumah Alia ke sekolah.

[1 *markah*]

*(b)* Nyatakan jarak, dalam m, dari sekolah ke masjid.

[1 *markah*]

*(c)* Cari jumlah jarak, dalam m dari rumah Alia ke masjid.

[2 *markah*]

**5** Rajah menunjukkan jisim sebiji bola.




*(a)* Jisim bola itu ialah 900 g.
Lukiskan jarum pada penimbang untuk menunjukkan jisim bola itu.

[1 *markah*]

*(b)* Hitung jisim, dalam kg, 2 biji bola yang sama.

[2 *markah*]

**6** Rajah menunjukkan panjang sebuah pagar.



10 m

*(a)* Nyatakan panjang pagar itu dalam cm.

[1 *markah*]

*(b)* Rajah berikut menunjukkan ukuran pagar kebun sayuran Iman.




Iman bercadang memasang pagar di sekeliling kebun sayurnya.
Berapakah panjang pagar, dalam m, yang diperlukan?

[2 *markah*]

**7** Rajah menunjukkan jisim sebiji tembikai dan sebiji betik.




*(a)* Nyatakan jumlah jisim tembikai dan betik itu.

[1 *markah*]

*(b)* Jisim tembikai ialah 1.8 kg. Hitung jisim, dalam g, betik itu.

[2 *markah*]

**8** Rajah menunjukkan tiga buah kotak di atas sebuah alat penimbang.
Jisim P=Q.




Jumlah jisim P dan Q adalah sama dengan jisim R.

*(a)* Cari jisim kotak P.

[1 *markah*]

*(b)* Cari beza jisim kotak R dan kotak Q.

[2 *markah*]

*(c)* Hitung jumlah, dalam kg, ketiga-tiga kotak itu.

[2 *markah*]

**9** Rajah menunjukkan isi padu air dalam bekas J dan K.
Isi padu air dalam bekas K tidak ditunjukkan.




*(a)* Nyatakan isi padu air, dalam mℓ, bekas J.

[1 *markah*]

*(b)* Cari jumlah isi padu K jika isi padunya adalah separuh daripada isi padu J.

[2 *markah*]

*(c)* Hitung jumlah isi padu kedua-dua bekas itu.

[2 *markah*]

**10** Rajah menunjukkan sebotol kordial minuman yang dibeli oleh Syikin.




1 ℓ 200 mℓ

*(a)* Nyatakan isi padu kordial, dalam mℓ , kordial itu ?

[1 *markah*]

*(b)* Hitung isi padu kordial, dalam ℓ , jika Syikin membeli 7 botol kordial yang sama.

[2 *markah*]

**SKEMA JAWAPAN**
**BIDANG 2**
**(Panjang, Jisim Dan Isi Padu Cecair)**

| *Soalan* | *Jawapan* | *Markah* | *Jumlah Markah* |
|---|---|---|---|
| 1(a) | 5 cm | 1 | 2 |
| 1(b) | 50 mm | 1 | |
| 2(a) | 800 g @ 0 • 8 kg | 1 | 3 |
| 2(b) | 1 600 g @ 1• 6 kg | 2 | |
| 3(a) | 1 000 mℓ | 1 | 3 |
| 3(b) | 1 500 mℓ | 2 | |
| 4(a) | 5 000 m | 1 | 4 |
| 4(b) | 2 500 m | 1 | |
| 4(c) | 7 500 m | 2 | |
| 5(a) | Terima jawapan yang betul | 1 | 3 |
| 5(b) | 1•8 kg | 2 | |
| 6(a) | 1 000 cm | 1 | 3 |
| 6(b) | 298 m | 2 | |
| 7(a) | 2•5 kg | 1 | 3 |
| 7(b) | 700 g | 2 | |
| 8(a) | 300 g | 1 | 5 |
| 8(b) | 300 g | 2 | |
| 8(c) | 1•2 kg | 2 | |
| 9(a) | 4 200 mℓ | 1 | 5 |
| 9(b) | 2•1 ℓ @ 2 100 mℓ | 2 | |
| 9(c) | 6•3 ℓ @ 6 300 mℓ | 2 | |
| 10(a) | 1 200 mℓ | 1 | 3 |
| 10(b) | 8•4 ℓ | 2 | |

**BIDANG 2: SUKATAN DAN GEOMETRI (RUANG)**

1 Rajah menunjukkan sebuah segi empat sama.



*(a)* Lukiskan paksi simetri bagi segi empat sama itu.

[1 *markah*]

*(b)* Panjang sisi segi empat sama itu ialah 5 cm.

Hitung luas, dalam $cm^2$, segi empat sama itu.

[2 *markah*]

*(c)* Hitung perimeter, dalam cm, bagi rajah itu.

[2 *markah*]

2 Rajah menunjukkan sebuah poligon.




*(a)* Namakan poligon itu.

[1 *markah*]

……………………………………………………………………………..

*(b)* Tandakan (✓) pada garisan selari bagi X.

[1 *markah*]

| | |
|---|---|
| A | |
| B | |
| C | |
| D | |

*(c)* Rajah menunjukkan gabungan sebuah kubus A dan sebuah kuboid B.




Hitung isipadu, dalam cm , bagi gabungan bentuk tersebut.

[3 *markah*]

3. Rajah menunjukkan satu garisan AB.




*(a)* Lukis satu garisan serenjang pada garisan AB.

[1 *markah*]

*(b)* Rajah menunjukkan sebuah kuboid.




(i) Hitung luas, permukaan berlorek bagi kuboid itu, dalam $cm^2$.

[2 *markah*]

(ii) Hitung isipadu kuboid itu, dalam $cm^3$.

[2 *markah*]

4 Rajah menunjukkan sebuah segi empat tepat.



*(a)* Lukiskan paksi simetri bagi segi empat tepat itu.

[1 *markah*]

*(b)* Nyatakan bilangan sisi bagi segi empat itu.

[1 *markah*]

*(c)* Panjang dan lebar sisi segi empat itu ialah 6 cm dan 4 cm.
Hitung, dalam $cm^2$, luas bagi 2 segi empat itu.

[3 *markah*]

5 Rajah menunjukkan sebuah bentuk 3 dimensi.




*(a)* Namakan bentuk 3 dimensi itu.

[*1 markah*]

*(b)* Hitung perimeter, dalam $cm^3$, bagi permukaan yang berlorek.

[2 *markah*]

*(c)* Hitung isi padu, dalam $cm^3$, kuboid itu.

[2 *markah*]

**SKEMA JAWAPAN**
**BIDANG 2**
**(Ruang)**

| *Soalan* | *Jawapan* | *Markah* | *Jumlah Markah* |
|---|---|---|---|
| 1(a) | Lukis | 1 | 5 |
| 1(b) | 25 cm² | 2 | |
| 1(c) | 20 cm | 2 | |
| 2(a) | Heksagon | 1 | 5 |
| 2(b) | C | 1 | |
| 2(c) | 81 cm³ | 3 | |
| 3(a) | Lukis garisan serenjang | 1 | 5 |
| 3(b) | 20 cm² | 2 | |
| 3 (c) | 60 cm³ | 2 | |
| 4(a) | Lukis paksi simetri | 1 | 5 |
| 4(b) | 4 | 1 | |
| 4 (c) | 48 cm² | 3 | |
| 5 (a) | kuboid | 1 | 5 |
| 5 (b) | 26 cm | 2 | |
| 5 (c) | 108 cm³ | 2 | |

**BIDANG 3: KOORDINAT, NISBAH DAN KADARAN**

1 Satah Cartes menunjukkan kedudukan Atif.




| | | |
|---|---|---|
| Syafiq | : | Jarak mengufuk saya dari Atif ialah 3 unit dan jarak mencancang saya ialah 1 unit dari Atif. |
| Linda | : | Jarak mengufuk saya dari Atif adalah 2 unit dan jarak mencancang saya ialah 0 unit. |

Berdasarkan perbualan di atas.

*(a)* Nyatakan koordinat kedudukan: [*2 markah*]

i) Shafiq ………………..

ii) Linda ………………..

*(b)* Pada satah Cartes di atas, plotkan kedudukan Syafiq dan Linda. [*2 markah*]

2 Rajah menunjukkan kedudukan titik J dan K pada satah Cartes.




*(a)* Nyatakan koordinat bagi titik yang berikut.

[*2 markah*]

*(i)* J ………………..

*(ii)* K ………………..

*(b)* Tandakan L bagi koordinat (5, 5) pada satah Cartes.

[*1 markah*]

*(c)* Nyatakan koordinat yang sesuai bagi membentuk sebuah segi empat sama dengan menghubungkan titik J, K dan L.

[2 markah]

3 Rajah menunjukkan sebuah Satah Cartes




*(a)* Plotkan koordinat bagi K (4, 7 ) dan namakan koordinat bagi L

[*2 markah*]

*(b)* Nyatakan jarak dari L ke K. [*2 markah*]

4 Rajah 4 menunjukkan Satah Cartes.




*(a)* Namakan titik koordinat bagi P. [*1markah*]

*(b)* Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang dari P ke Q. [*2 markah*]

5 Rajah menunjukkan kedudukan rumah 5 orang murid.




*(a)* Nyatakan koordinat bagi rumah Adi. [*1 markah*]

*(b)* Adi bergerak dari rumahnya 4 unit mengufuk dan 2 unit mencancang. Setiap unit mewakili 2 km. Hitung jumlah jarak, dalam km, pergerakan Adi.

[*2 markah*]

*(c)* Tandakan (✓) pada kedudukan terakhir Adi. [*1 markah*]

| | |
|---|---|
| Rumah Meor | |
| Rumah Dany | |
| Rumah Afiq | |
| Rumah Siti | |

6 Rajah menunjukkan bilangan beberapa jenis buah.



(a) Apakah nisbah buah pisang kepada buah-buahan lain?

[*1 markah*]

(b) Namakan 2 buah-buahan yang sama nisbahnya. Tuliskan nisbahnya.

[*2 markah*]

7 Rajah menunjukkan harga bagi 3 jenis kain yang berlainan.




(a) Nyatakan nisbah harga kain berwarna biru kepada harga kain berwarna kuning.

[*1 markah* ]

(b) Nyatakan nisbah bagi harga kain berwarna hijau kepada jumlah harga kain semuanya.

[*1 markah* ]

8 Rajah menunjukkan bilangan epal dan magga di dalam sebuah kotak.



*(a)* Tulis nisbah bilangan epal kepada bilangan mangga.

[*1 markah*]

*(b)* Rosnah memberikan 3 biji mangga itu kepada adiknya.

Apakah nisbah bilangan mangga yang tinggal kepada bilangan epal?

[*2 markah*]

9 Rajah menunjukkan panjang dua utas tali.




*(a)* Nyatakan nisbah panjang tali P kepada panjang tali Q. [*1 markah*]

*(b)* Nyatakan nisbah panjang tali P kepada jumlah panjang keseluruhan tali.

[*1 markah*]

*(c)* Nyatakan nisbah panjang keseluruhan tali kepada panjang tali Q. [*1 markah*]

10 Rajah menunjukkan bilangan ikan laga, ikan emas dan udang di dalam sebuah akuarium.



*(a)* Berapakah nisbah  kepada 

[*1 markah* ]

*(b)* Berapakah nisbah  kepada jumlah  dan 

[*1 markah*]

*(c)* Namakan kehidupan di dalam akuarium yang mempunyai nisbah 2 :10 .

[*1 markah*]

**SKEMA JAWAPAN**
**BIDANG 3**
**(Koordinat, Nisbah Dan Kadaran)**

| *Soalan* | *Jawapan* | *Markah* | *Jumlah Markah* |
|---|---|---|---|
| 1(a)<br><br>1(b) | i) (3,1)<br>ii) (2,0)<br>Plot pada tempat yang betul | 2<br><br>2 | 4 |
| 2(a)<br><br>2(b)<br><br>2 (c) | i) J = (2,5)<br>ii) K = (2,2)<br>Plot pada tempat yang betul<br><br>(5,2) dan Plotkan pada tempat yang betul. | 2<br><br>1<br><br>2 | 5 |
| 3(a)<br><br>3(b) | Plot pada tempat yang betul, (7,1)<br><br>Mengufuk = 2, Mencacang = 6 | 2<br><br>2 | 4 |
| 4(a)<br><br>4(b) | (7,5)<br><br>Mengufuk = 6, Mencacang = 3 | 1<br><br>2 | 3 |
| 5(a)<br>5 (b)<br><br>5 (c) | (3,1)<br>4 X 1km = 4km @ 6 X 0.5 km = 3 km<br>2 X 1 km = 1 km<br>Rumah Meor | 1<br>2<br><br>1 | 4 |
| 6(a)<br><br>6(b) | 3 : 9<br><br>Nisbah buah pisang kepada bukan pisang & Nisbah buah epal kepada bukan epal | 1<br><br>2 | 3 |
| 7(a)<br><br>7(b) | RM100 : RM200<br><br>RM400 : RM700 | 1<br><br>1 | 2 |
| 8(a)<br><br>8(b) | 5 : 7<br><br>7-3 = 4/ 4 : 5 | 1<br><br>2 | 3 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9(a)<br><br>9(b)<br><br>9 (c) | 4m : 3m<br><br>4m : 7m<br><br>7m : 3m | 1<br><br>1<br><br>1 | 3 |
| 10(a)<br><br>10(b)<br><br>10(c) | 3 : 5<br><br>3 : 10<br><br>Nisbah udang kepada jumlah ikan emas dan ikan laga. | 1<br><br>1<br><br>1 | 3 |

PERAK

## BIDANG 4: STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN (KEBOLEHJADIAN)

**1** Rajah menunjukkan satu pernyataan.

Dalam seminggu, ada 7 hari semuanya.

Tandakan (✓) bagi kebolehjadian peristiwa itu.

| Mustahil | Pasti |
|---|---|
| ☐ | ☐ |

[1 *markah*]

**2** Rajah menunjukkan bulan pada suatu malam.



Bulan muncul pada siang hari.

Nyatakan kebolehjadian peristiwa itu.

……………………………………………………………………………………

[1 *markah*]

**3** Rajah menunjukkan 6 keping kad nombor.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 29 | 17 | 41 | 33 | 27 | 23 |

a) Nyatakan kebolehjadian untuk Azmi mendapat kad nombor perdana.

……………………………………………………………………………………..

[1 *markah*]

b) Nyatakan kebolehjadian untuk Azmi mendapat kad nombor genap.

……………………………………………………………………………………..

[1 *markah*]

**4** Rajah menunjukkan kalendar bulan Februari 2017.




a) Tandakan (✓) kebolehjadian bulan Februari 2017 mempunyai 29 hari.

| Kecil kemungkinan | Mustahil | Pasti |
|---|---|---|
| ☐ | ☐ | ☐ |

[1 *markah*]

b) " 15 Februari 2017 adalah hari Rabu".
Nyatakan kebolehjadian bagi pernyataan ini.

……………………………………………………………………………………

[1 *markah*]

**5** Rajah menunjukkan sebuah motorsikal.



a) Nyatakan kemungkinan motorsikal itu bergerak tanpa roda.

| Besar kemungkinan | Pasti | Mustahil |
|---|---|---|
| ☐ | ☐ | ☐ |

[1 *markah*]

b) Motorsikal itu mempunyai 2 roda.
Nyatakan Pasti atau Mustahil bagi pernyataan ini.

……………………………………………………………………………………

[1 *markah*]

**SKEMA JAWAPAN**
**BIDANG 4**
**(Kebolehjadian)**

| *Soalan* | *Jawapan* | *Markah* | *Jumlah Markah* |
|---|---|---|---|
| 1(a)<br>1(b) | Pasti<br>Mustahil | 1<br>1 | 2 |
| 2 | Mustahil | 1 | 1 |
| 3 | Kecil kemungkinan<br><br>Besar kemungkinan | 1 | 1 |
| 4 | Besar Kemungkinan | 1 | 1 |
| 5(a)<br><br>5 (b) | Mustahil<br><br>Pasti | 1<br><br>1 | 2 |

PERAK

**BIDANG 4: STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN (PENGURUSAN DATA)**

1 Piktograf menunjukkan jumlah pungutan mata bagi empat rumah sukan.

Pungutan Mata Bagi Empat Rumah Sukan

| | |
|---|---|
| Rumah Merah | ☺ ☺ ☺ ☺ ☺ ☺ |
| Rumah Kuning | ☺ ☺ ☺ ☺ |
| Rumah Biru | ☺ ☺ ☺ ☺ ☺ |
| Rumah Hijau | ☺ ☺ ☺ ☺ |

☺ mewakili 50 mata

*(a)* Nyatakan jumlah mata Rumah Kuning.

[1 *markah*]

*(b)* Berapakah julat pungutan mata?

[1 *markah*]

2 Rajah di bawah menunjukkan lima keping kad.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 35 | 65 | 40 | 50 | 30 |

*(a)* Cari min bagi lima nombor di atas.

[2 *markah*]

*(b)* Cari Julat.

[1 *markah*]

*(c)* Cari median nombor-nombor itu.

[1 *markah*]

3 Jadual menunjukkan markah bagi lima orang murid dalam satu ujian Matematik.

| Nama Murid | Markah |
|---|---|
| Razali | 65 |
| Suhaimi | 80 |
| Ah Chong | 50 |
| Siti | 90 |
| Ravi | 75 |

*(a)* Hitungkan julat markah mereka.

[1 *markah*]

*(b)* Hitungkan min markah bagi setiap murid.

[2 *markah*]

4 Carta palang di bawah menunjukkan jisim beberapa orang murid.




*(a)* Cari julat jisim murid.

[1 *markah*]

*(b)* Cari mod jisim.

[1 *markah*]

5 Jadual di bawah menunjukkan cara murid hadir ke sekolah.

| Cara ke Sekolah | Bilangan Murid |
|---|---|
| Basikal | 50 |
| Jalan kaki | 20 |
| Kereta | 30 |
| Motosikal | 80 |

*(a)* Bina carta palang berdasarkan maklumat diatas.




[2 *markah*]

*(b)* Nyatakan julat

[2 *markah*]

**SKEMA JAWAPAN**
**BIDANG 4**
**(Pengurusan Data)**

| *Soalan* | *Jawapan* | *Markah* | *JUmlah Markah* |
|---|---|---|---|
| 1(a)<br>1(b) | 200<br>100 | 1<br>1 | 2 |
| 2(a)<br>2(b)<br>2(c) | 44<br>35<br>40 | 2<br>1<br>1 | 4 |
| 3(a)<br>3(b) | 25<br>72 | 1<br>2 | 3 |
| 4(a)<br>4(b) | 15<br>35 | 1<br>1 | 3 |
| 5(a)<br>5(b) | Lukis carta palang<br>60 | 2<br>1 | 3 |